

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN (KOTA KINABALU)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara China masuk dan keluar Malaysia secara perinci setiap tahun dari 2010 hingga 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2010 sehingga 19 November 2020, jumlah warganegara China yang masuk ke Malaysia adalah seramai 16,236,589 orang dan pergerakan keluar warganegara China dari Malaysia adalah seramai 19,107,924 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran mesyuarat, hasil perundingan dan jumlah pampasan dengan pihak negara China mengenai pembatalan projek Multi-Product Pipeline dan Trans Sabah Gas Pipeline.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat antara delegasi Malaysia dan delegasi Kerajaan China di Beijing pada 12 April 2019 telah bersetuju supaya projek Multi-Product Pipeline (MPP) dan Trans Sabah Gas Pipeline (TSGP) ditamatkan dan perkara berkaitan kos penamatan dan pampasan akan dirundingkan kemudian. Keputusan ini juga adalah susulan daripada keputusan Kerajaan terdahulu untuk mengkaji semula pelaksanaan semua projek mega termasuk projek *pipeline*. Sehingga kini rundingan antara Kerajaan Malaysia dan Repullik Rakyat China telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali iaitu pada:

- i. 30 Oktober 2018;
- ii. 27 Februari 2019;
- iii. 27 hingga 28 Mac 2019;

- iv. 26 April 2019;
- v. 11 Julai 2019;
- vi. 26 September 2019; dan
- v. 12 November 2019

2. Walaupun setelah beberapa sesi rundingan diadakan antara kedua-dua delegasi bagi membincangkan kos penamatan dan pampasan, namun tiada persetujuan bersama dicapai untuk memuktamadkan amaun pampasan dan amaun pelaksanaan projek berjumlah RM3.47 bilion yang menjadi pertikaian.

3. Berdasarkan pengesahan yang dilaksanakan oleh pakar teknikal tempatan, jumlah yang boleh dituntut oleh CPPB berdasarkan kerja-kerja awalan yang telah dilaksanakan hanyalah berjumlah RM1.12 bilion sahaja. Justeru itu, terdapat pertikaian mengenai perbezaan amaun yang dituntut oleh CPPB dengan amaun yang disahkan oleh SSER berdasarkan penilaian pakar tempatan berjumlah RM3.47 bilion (RM4.59 billion – RM1.12 billion). Setakat ini, kedua-dua pihak masih belum mencapai persetujuan bersama untuk memuktamadkan amaun tuntutan tersebut.

4. Sehingga kini juga, proses rundingan di antara entiti perniagaan kedua-dua negara, masih dilaksanakan bagi membincangkan opsyen atau alternatif lain dalam melaksanakan projek pipeline agar mewujudkan situasi *win-win* kepada kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.